

PERATURAN PEMAKAIAN UNIFORM SEKOLAH SEKOLAH MENENGAH ISLAH HIDAYAH JB

A. CABUTAN DARI BUKU DISIPLIN SEKOLAH

PERKARA 6 : PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH

6.1 Baju Murid Lelaki

- 6.1.1 Baju hendaklah berwarna putih dan berlengan panjang. Baju daripada jenis kain berkilat tidak dibenarkan.
- 6.1.2 Baju tidak boleh berlengan besar.
- 6.1.3 Baju hendaklah dimasukkan ke dalam seluar sepanjang waktu persekolahan.
- 6.1.4 Lengan baju di pergelangan tangan hendaklah sentiasa dikancing dengan kemas
- 6.1.5 Sentiasa memakai tali leher sekolah sepanjang sesi persekolahan.

6.2 Baju Murid Lelaki Pada Hari Jumaat (jika ada aktiviti sekolah)

- 6.2.1 Semua murid lelaki diwajibkan memakai Baju Rasmi Batik Sekolah ketika Solat Jumaat

6.3 Seluar

- 6.3.1 Seluar bagi murid-murid lelaki dari (tingkatan satu hingga tingkatan lima) adalah seluar panjang berwarna coklat tua.
- 6.3.2 Seluar hendaklah potongan biasa, tidak berfesyen dan tidak ketat.
- 6.3.3 Panjang atau labuh seluar hendaklah menutup sepenuhnya kedua-dua buku lali kaki manakala buka lilitan kaki seluar panjang ialah 16” – 18” (40 cm – 45 cm).
- 6.3.4 Seluar sekolah tidak boleh diperbuat daripada kain jenis “*jeans*” atau yang sejenis dengannya.
- 6.3.5 Saku/kocek bahagian belakang seluar mestilah dari jenis bertebuk (bukan bertampal).
- 6.3.6 Sekiranya bertali pinggang, tali pinggang itu adalah dari jenis yang kepalanya tidak besar dan berhias. Ciri-ciri tali pinggang yang dibenarkan:
 - jenis nylon/polister/PVC/kulit, besar –
 - saiz tidak melebihi 3 cm
 - berkepala (buckle) plat dari Copper/tembaga (TIDAK BERMOTIF GAMBAR).
 - Warna hitam atau biru tua

6.4 Baju Murid Perempuan

- 6.4.1 Baju kurung berpesak yang berwarna kuning langsung.
- 6.4.2 Lengan baju hendaklah mempunyai “cuff” atau pakai *hand sock* (stokin tangan) berwarna hitam/coklat/krim/putih
- 6.4.3 Bersarung kain lipat beralun berwarna coklat tua
- 6.4.4 Jenis kain yang digunakan untuk pakaian murid hendaklah dari jenis cotton (jenis berkilat tidak dibenarkan)
- 6.4.5 Labuh baju hendaklah 2” di bawah paras lutut.
- 6.4.6 Kain hendaklah menutup buku lali.

- 6.4.7 Murid perempuan diwajibkan memakai tudung labuh (sekurang-kurangnya 5” di bawah pinggang, labuh sampai siku pada bahagian sisi), berwarna putih tanpa berbunga atau berenda
- 6.4.8 Murid tidak dibenarkan memakai purdah.
- 6.4.9 Murid mesti memakai serkup/anak tudung berwarna putih atau hitam dan tidak berhias.
- 6.4.10 Murid perempuan dikehendaki memakai seluar panjang berwarna hitam/biru gelap atau kain dalam dan simis (singlet wanita).
- 6.4.11 Murid diwajibkan memakai sarung kaki/stokin berwarna hitam yang panjang (menutup betis)

6.5 Pakaian ketika bersukan dan bersenam

- 6.5.1 Semua murid lelaki dikehendaki memakai seluar track panjang berwarna gelap dan t-shirt pasukan rumah sukan/ t-shirt koku/t-shirt putih kosong berkolar tanpa sebarang lambang.
- 6.5.2 Semua murid perempuan dikehendaki memakai seluar track panjang berwarna gelap dan t-shirt pasukan rumah/t-shirt koku/ t-shirt putih kosong tanpa sebarang lambang berserta tudung.
- 6.5.3 Kasut sukan sebarang warna dari jenis kanvas, PVC atau kulit hanya dibenarkan dipakai semasa latihan sukan atau mata pelajaran Pendidikan Jasmani.
- 6.5.4 Murid dibenarkan untuk memakai pakaian sukan sepanjang masa persekolahan sekiranya ada subjek PJK pada hari tersebut.
- 6.5.5 Murid dikehendaki memakai pakaian rasmi sekolah/baju krs no 4 pada hari isnin minggu pertama(perhimpunan rasmi) dan minggu kedua (perhimpunan krs).Selepas perhimpunan murid boleh memakai pakaian sukan sekiranya ada subjek PJK.

6.6 Pakaian dalam pasukan beruniform

- 6.6.1 Semua murid lelaki dan perempuan hendaklah memakai uniform KRS (T-shirt KRS,uniform no 3 atau uniform no 4) ketika sesi perjumpaan KRS
- 6.6.2 Memakai uniform KRS no 4 pada hari isnin minggu ke dua pada setiap bulan

6.7 Pakaian kelas tambahan dan kokurikulum

- 6.7.1 Murid dimestikan memakai pakaian kokurikulum/tshirt sukan/t-shirt putih kosong berkolar bagi murid lelaki tanpa sebarang lambang untuk aktiviti kokurikulum dan kelas tambahan.
- 6.7.2 Murid perempuan dimestikan memakai kain berwarna hitam semasa kelas tambahan.

6.8 Pakaian Kepimpinan Sekolah

PIMPINAN	ITEM
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR	<u>MURID LELAKI:</u> <ul style="list-style-type: none">- Baju lengan panjang warna beige muda- Seluar warna coklat tua- Tali leher warna merah tua- Songkok warna hitam/biru tua <u>MURID PEREMPUAN:</u> <ul style="list-style-type: none">- Baju lengan panjang warna beige muda- Kain warna coklat tua- Tudung warna beige muda dan lace tudung warna merah tua
PENGAWAS	<u>MURID LELAKI:</u> <ul style="list-style-type: none">- Baju lengan panjang warna beige muda- Seluar warna coklat tua- Tali leher warna merah tua <u>MURID PEREMPUAN:</u> <ul style="list-style-type: none">- Baju lengan panjang warna beige muda- Kain warna coklat tua- Tudung warna beige muda dan lace tudung warna merah tua
PEMBIMBING RAKAN SEBAYA(PRS)	<u>MURID LELAKI:</u> <ul style="list-style-type: none">- Baju lengan panjang warna beige muda- Seluar warna coklat tua- Tali leher warna oren <u>MURID PEREMPUAN:</u> <ul style="list-style-type: none">- Baju lengan panjang warna beige muda- Kain warna coklat tua- Tudung warna beige muda dan lace tudung warna oren

6.9 Kasut sekolah

- 6.9.1 Semua murid mesti memakai kasut berwarna hitam sama ada yang diperbuat daripada kulit, kain kanvas atau PVC
- 6.9.2 Kasut “high-cut”, dan juga kasut sukan tidak dibenarkan.
- 6.9.3 Murid tidak dibenarkan memakai selipar ketika hari persekolahan

CONTOH PAKAIAN SEKOLAH BAGI PELAJAR LELAKI



1. BAJU UNIFORM HARIAN



2. BAJU RASMI BATIK



3. BAJU KO KURIKULUM



4. BAJU SUKAN



5. T-SHIRT KRS



6. UNIFORM KRS NO. 4

CONTOH PAKAIAN SEKOLAH BAGI PELAJAR PEREMPUAN



1. BAJU UNIFORM
HARIAN



2. BAJU BATIK RASMI



3. BAJU KO KURIKULUM



4. BAJU SUKAN



5. T-SHIRT KRS



6. UNIFORM KRS NO. 4

B. WAKTU DAN JENIS PEMAKAIAN

HARI	MINGGU 1	MINGGU 2	MINGGU 3	MINGGU 4
ISNIN (PERHIMPUNAN)	BAJU RASMI (BATIK)	UNIFORM KRS NO 4	UNIFORM SEKOLAH	UNIFORM SEKOLAH
RABU (Ko Kurikulum) KRS/ Games/Kelab	T-SHIRT KRS/ BAJU KO KURIKULUM			
HARI PJK	BAJU SUKAN			
SELASA, KHAMIS	UNIFORM SEKOLAH			

TAMAT